

Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu

IKHTISAR: Ramai ulama Islam yang terkemudian mencampurkan penulisan akidah dengan ilmu falsafah. Percampuran ini menimbulkan kesamaran tentang fahaman akidah Tauhid. Dalam rangka menyelesaikan permasalahan tersebut, Al-Imam al-Sanusi memperkenalkan ajaran Sifat 20 menerusi penulisan "Umm al-Barahin" dan menjadi pilihan bagi kebanyakan ulama di pusat-pusat pengajian Islam. Bilakah munculnya ajaran tersebut di alam Melayu? Artikel ini cuba memecahkan persoalan tersebut. Sehubungan dengan itu, objektif artikel ini adalah untuk mengkaji kesejarahan ajaran Sifat 20 di alam Melayu. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan analisis kandungan melalui data perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ajaran Sifat 20 telah muncul kali pertama di utara Afrika pada abad ke-15 M (Masehi) dan tersebar kemudiannya ke alam Arab. Pada abad ke-17 M, ia telah terdedah pada alam Melayu melalui penulisan beberapa orang ulama, antaranya Ahmad bin Aminuddin Qadhi, Al-Syaikh Nur al-Din al-Raniri, dan Syeikh Abdul Rauf Singkil. Pada abad ke-18 M, penulisan Sifat 20 "Umm al-Barahin" mulai diterjemahkan ke dalam bahasa Malayu oleh Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, diikuti dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan disebar-luas kemudiannya oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada abad ke-19 M.

KATA KUNCI: Sifat 20, kesejarahan, "Umm al-Barahin", Al-Imam al-Sanusi, pusat pengajian Islam, dan alam Melayu.

ABSTRACT: This paper entitled "An Historical Account on the Teachings of the 20 Attributes in the Malay World". Many of the late Islamic scholars writings mixed faith with philosophy. This mixing had created ambiguity on the notion of the belief in the unity of God. In order to address these problems, Al-Imam al-Sanusi introduced the teachings of the 20 Attributes of Allah through his book "Umm al-Barahin" which became the choice materials for many scholars in Islamic studies centers. When did these teachings emerge in the Malay world? This paper, thus, makes an attempt to resolve the issue. Accordingly, the objective of this paper is to examine the historical account on the teachings of the 20 Attributes of Allah in the Malay world. To achieve the objective, this study used content analysis through library data. The research findings showed that the teachings on the 20 Attributes of Allah first appeared in northern Africa in the 15th century and later spread to the Arab world. In the 17th century, it was exposed to the Malay world through the writings of some scholars, such as Ahmad bin Aminuddin Qadhi, Al-Syaikh Nur al-Din al-Raniri, and Syeikh Abdul Rauf Singkil. In the 18th century, the 20 Attributes of Allah in "Umm al-Barahin" begun to be translated into the Malay language by Sheik Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, followed by Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani which was widespread later by Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani in the 19th century.

KEY WORD: 20 Attributes, historical account, "Umm al-Barahin", Al-Imam al-Sanusi, Islamic studies center, and Malay world.

PENDAHULUAN

Akidah *Tauhid* merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang paling tinggi kedudukannya dalam agama Islam, kerana tujuan utama dijadikan

manusia adalah untuk beribadat kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), Tuhan Yang Maha Esa, sebagaimana dijelaskan pada firman-Nya dalam surah Al-Dharyyat, ayat

Dr. Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan ialah Dekan Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 33000 Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: masakaree@kuisas.edu.my dan mohdsyukri.nikwan@yahoo.com

56, yang bermaksud: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku” (dalam *Al-Qur’an al-Karim*, 1413 H).

Justeru, ibadat kepada Allah SWT tidak akan berlaku kecuali dengan niat yang jelas. Dimaksudkan dengan “niat yang jelas” adalah sengaja beribadat hanya kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa. Sengaja berbuat demikian tidak akan tercapai matlamatnya, kecuali dengan mengenal Allah SWT secara tepat. Dengan kata lain, tidak berlaku penyembahan kecuali dengan niat; dan tidak berlaku niat kecuali dengan mengenal Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa.

Oleh yang demikian, mengenal Allah SWT adalah suatu suruhan bagi setiap yang bermukalaf. Adapun *zan* (menyangka) dan *taklid* (menurut kata orang tanpa berfikir sendiri) tidak memadai dalam urusan akidah (Al-Syafi’i, t.th.), sebagaimana pula firman Allah SWT dalam surah Muhammad, ayat 19, yang bermaksud: “Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah” (dalam *Al-Qur’an al-Karim*, 1413 H).

Dalam rangka menjaya usaha mengenal atau mengetahui tentang Allah SWT, ramai para pakar yang terlibat penulisan mereka secara khusus menerusi ilmu Akidah *Tauhid*. Antara penulisan yang paling terkenal di alam Melayu adalah penulisan *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda), karya Al-Imam al-Sanusi,¹ atau yang dikenali sebagai ajaran Sifat 20.

Artikel ini bertujuan untuk membincang persoalan kesejarahan ajaran Sifat 20, khususnya di alam Melayu. Antara persoalan yang dikemukakan adalah: (1) Bilakah

munculnya ajaran Sifat 20?; (2) Apakah nama-nama yang dianugerahkan kepada ajaran Sifat 20?; dan (3) Bilakah kemunculannya di alam Melayu?

Dalam menjawab persoalan tersebut, artikel ini akan dimulakan dengan sejarah kemunculan ajaran Sifat 20 secara umum, diikuti dengan persoalan nama-nama yang dianugerahkan dan kemunculannya di alam Melayu. Seterusnya, artikel ini akan ditutup dengan kesimpulan.

SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SIFAT 20

Mengikut catatan Ibn Khaldun, 732-808 H (Hijriah) / 1332-1406 M (Masehi), atau nama penuhnya ialah ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun, ternyata bahawa ramai di kalangan ulama-ulama Islam yang terkemudian lebih banyak terpengaruh dengan ilmu falsafah asing. Mereka menghimpunkan beberapa jenis ilmu akal yang berbeza-beza menjadi satu ilmu, sehingga berlakunya percampuran dalam penulisan ilmu akidah Ketuhanan Islam dengan ilmu falsafah yang sukar dibezakan antara satu sama yang lain (Ibn Khaldun, 1996).

Antara penulisan-penulisan yang dimaksudkan adalah *Asas al-Taqdis fi ‘Ilm al-Kalam* karya Fakhr al-Din Al-Razi (544-606 H / 1149-1209 M), seorang ulama kelahiran Tabrustan (Azerbaijan); *Tawali’ al-Anwar* karya Nasir al-Din Abu Sa’id ‘Abd Allah bin ‘Umar bin Muhammad al-Baydawi al-Syirazi (m. 685 H / 1286 M), seorang ulama kelahiran Bayda’, Shiraz, Iran; dan *Al-Mawaqif fi ‘Ilm al-Kalam* karya Abd al-Rahman bin Ahmad bin ‘Abd al-Ghaffar bin Fadl, atau yang lebih dikenali dengan Al-Qadi ‘Idd al-Din al-Iji (m. 756 H / 1355 M), seorang ulama kelahiran Ij, Shiraz (Ibn Khaldun, 1996).

Percampuran yang berlaku pada ketika itu telah menimbulkan kesamaran tentang fahaman akidah orang Islam dan orang ramai (orang awam), seterusnya menjadi keliru

¹Al-Imam al-Sanusi iaitu Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin ‘Umar bin Syu’ayb al-Sanusi al-Hasani al-Asy’ari al-Maliki al-Tilimsani al-Maghribi (1428-1490 M), seorang ulama yang berakidah Al-Asy’ari dan fikah Maliki, juga pembangun Islam di utara Afrika pada abad 9 H (Hijriah) atau 15 M (Masehi).

dalam soal-soal akidah Ketuhanan Islam (Rosder, 1989; dan Ambak bin Haji Ismail, 1991). Seterusnya dipelajari secara *taklid*, atau dengan kata lain dipelajari secara ikut-ikutan, tanpa menggunakan akal fikiran sendiri. Kerananya, terhentilah kemajuan ilmu pengetahuan ('Abduh, 1979). Melimpah padanya, zaman Al-Imam al-Sanusi, lautan kejahilan dan tersebar padanya, zaman Al-Imam al-Sanusi, kebatilan (al-Sanusi, t.th.b).

Dalam rangka menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh orang-orang Islam, Al-Imam al-Sanusi (nama penuhnya ialah Al-Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi), telah bertindak mengasingkan perbahasan yang berkaitan dengan akidah, di samping mengemukakan pandangan yang jelas dan bukannya fakta-fakta yang beraneka falsafah. Hasil tindakan Al-Imam al-Sanusi ini lahir sebuah penulisan yang dinamakan sebagai *Umm al-Barahin*, disebut juga '*Aqidah Ahl al-Tauhid al-Sughra*, atau *Risalah Al-Sanusiyah*. Al-Imam al-Sanusi membuat kenyataan, diantaranya adalah seperti berikut:

Maka sebahagian daripada yang wajib bagi Tuhan kita Yang Maha Besar dan Yang Maha Mulia dua puluh sifat, iaitu *Al-Wujud* [Ada], *Al-Qidam* [Sedia],² *Al-Baqā'* [Kekal], *Mukhalafatuhu Ta'ala li al-Hawadith* [Menyalahi atau berlaianan Allah Ta'ala dengan segala yang baharu], *Qiyamuhu Ta'ala bi Nafsih* [berdiri Allah Ta'ala dengan sendiri-Nya] ..., *Al-Wahdaniyyah* [Tunggal] ..., maka ini enam sifat, bermula yang pertamanya *Nafsiyyah* [yang menunjukkan diri sendiri], iaitu *Al-Wujud* dan yang lima kemudiannya *Salbiyyah* [yang menunjukkan negatif], kemudian wajib bagi-Nya Ta'ala tujuh sifat yang dinamai akan dia sifat *Al-Ma'ani* [yang menunjukkan beberapa makna],

²Dalam *Al-Fatawa al-Fataniyyah*, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani berpendapat bahawa "sedia" itu makna bagi *azali*, tetapi dengan alasan eloknya dan manisnya pada pendengaran dan perasaan meminjamkan dia oleh orang Melayu, maka memakai mereka itu akan dia bagi makna *qidam* yang *zati*, iaitu *qidam* Allah Ta'ala dan sifat-Nya, padahal makna *qidam* itu lama. Lihat, bagi maklumat lanjut, Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (1992).

iaitu *Al-Qudrah* [Berkuasa], *Al-Iradah* [Berkehendak] ..., *Al-'Ilm* [Mengetahui] ..., *Al-Hayah* [Hidup] ..., *Al-Sam'* [Mendengar], *Al-Basar* [Melihat] ... dan *Kalam* [Berkata-kata] ... kemudian tujuh sifat yang dinamai akan dia sifat *Ma'nawiyah* [relatif dengan beberapa makna], iaitu yang melazimkan tujuh yang pertama, iaitu *Kaunuhu Ta'ala Qadiran* [Keadaannya Yang Berkuasa], *Muridan* [Yang Berkehendak], *'Aliman* [Yang Mengetahui], *Hayan* [Yang Hidup], *Sami'an* [Yang Mendengar], *Basiran* [Yang Melihat], dan *Mutakalliman* [Yang Berkata-kata] (al-Sanusi, t.th.a).

Setelah beliau membahas bahagian-bahagian yang wajib bagi Zat Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), beliau membahas pula bahagian-bahagian yang absurd bagi-Nya, atau yang dikenali dengan nama sifat "mustahil" bagi Zat Allah SWT sebagai lawan bagi bahagian-bahagian yang wajib tadi, dan diikuti dengan bahagian yang harus, atau *jaiz*, bagi Zat-Nya *Ta'ala* (al-Sanusi, t.th.a).

Dari sini muncullah ajaran *Tauhid Formalistik*, yang terkenal kemudiannya dengan namanya "Sifat 20". Semua perkembangan seperti ini turut diterima dengan baik oleh para ulama dengan menyifatkannya sebagai ajaran *Ahli Sunah Waljamaah*. Dari segi ini, yang dimaksudkan dengan *Ahli Sunah Waljamaah* adalah tetap sebagai suatu aliran *Usuluddin* atau *Kalam* (Haji Abdullah, 1989).

Penemuan ini adalah sama dengan beberapa pendapat para ulama di alam Melayu, seperti dinyatakan oleh Mudasar Rosder dan pendakwah bebas, Abdul Aziz Ambak bin Haji Ismail, seperti berikut ini:

Perbincangan berhubung dengan pertumbuhan Sifat Dua Puluh tidak wujud pada zaman Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*), zaman Sahabat RA (*Radhiallahu Anh*), begitu juga pada zaman *al-Tabi'in*, tetapi pada kurun kesembilan Hijrah perbincangan mengenainya lahir (Rosder, 1989).

Mengaji ilmu *Tauhid* atau *Usul* melalui pendekatan Sifat 20 yang wajib

bagi Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) itu, tidak tumbuh pada peringkat awal ilmu *al-Tauhid* (*Ilm al-kalam*), ianya tumbuh dan dikenali pada abad ke-9 Hijriyah [*sic* Hijrah]. Kitab yang ulung kali membicarakan Sifat 20 ini (setakat yang dapat dikesan) ialah berjudul *Umm al-Barahin* atau Ibu Segala Tanda (Ambak bin Haji Ismail, 1991).

Dalam hal ini juga terdapat segelintir para ulama di alam Melayu yang masih lagi mempertikaikan sejarah kemunculan ajaran Sifat 20. Antaranya ialah Alyahya (1991), penulis buku *Dua Puluh Sifat Allah*, yang berpendapat bahawa sifat-sifat ini telah disusun oleh Al-Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan diikuti kemudiannya oleh para ulama, diberi pula dalil-dalilnya, baik daripada Al-Qur'an mahupun Hadist.

Sebaliknya, Mohd Nor bin Ngah, yang pernah membuat penyelidikan terhadap kitab Jawi, berpendapat bahawa Al-Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari telah menyusun hanya 13 sifat, adapun 7 sifat lagi adalah tambahan daripada pengikutnya yang terkenal, iaitu Abu Bakr al-Baqilani dan Al-Imam al-Haramayn. Oleh yang demikian Razi Jusoh, penulis artikel di International Institute of ISTAC (*Islamic Thought and Civilization*) yang pernah membuat penyelidikan tentang Sifat 20, amat percaya bahawa status Al-Imam al-Sanusi hanya sebagai pengembang, bukannya pengasas kepada Sifat 20 (Jusoh, 2000).

Mudasir Rosder (1989) juga pernah membuat penelitian kitab-kitab karangan Al-Imam Abu Hasan al-Asy'ari yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT, kemudian beliau membuat kesimpulan bahawa Al-Imam Abu Hasan al-Asy'ari telah membicarakan keseluruhan Sifat 20, walaupun ada sesetengahnya dibicarakan secara tidak langsung, umpamanya sifat *Qiyamuhu Ta'ala bi Nafsih* (berdiri Allah Ta'ala dengan sendiri-Nya), dapat difahami dalam tajuk "Bahawa Allah Bukan *Jisim*" hanya susunan perbahasan

sifat itu tidak seperti perbahasan yang terdapat dalam Sifat 20 Al-Imam al-Sanusi dalam *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda).

Oleh yang demikian, pengembalian Sifat 20 kepada para ulama sebelum Al-Imam al-Sanusi sebagai pengasas merupakan pengembalian yang berasaskan perbincangan secara menyeluruh, manakala pengembalian kepada Al-Imam al-Sanusi pula merupakan pengembalian yang berasaskan kesempurnaan dari segi ketetapan susunan dan bilangan, sebagaimana terdapat dalam penulisannya *Umm al-Barahin*.

NAMA-NAMA AJARAN SIFAT 20

Ajaran Sifat 20 *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda) telah mendapat tempat yang paling tinggi dan ia merupakan kitab rujukan penting dalam bidang akidah Islam di merata tempat, khususnya di alam Melayu. Berikut adalah pendapat bersabit ajaran Sifat 20:

Bahawasanya ialah kitab yang kecil pada bicara akidah yang terlebih masyhur pada segala Arab dan Jawi dan Turki dan Hindi dan lainnya akan membaca segala mereka itu akan dia serta diamalkan segala barang yang tersebut di dalamnya (Muhammad Badawi al-Sumbawi, t.th.).

Kitab terakhir ini [*Umm al-Barahin*] tidak begitu besar, akan tetapi besar pengaruhnya dalam dunia aliran *Asy'ariyyah*, sehingga banyak yang memberikan ulasan kitab tersebut (Hanafi, 1974).

Kitab *Umm al-Barahin* karangan al-Sanusi telah tersebar luas di Nusantara dan sangat popular di kalangan ulama di rantau ini (Haji Yahaya, 2000).

Oleh sebab penulisan tersebut sangat berguna dan berupaya diamalkan, maka ia turut digemari di Nusantara sehingga aliran *Asy'ariyyah* atau *Ahli Sunah Waljamaah* yang ada di rantau ini ialah yang bercorak *Sanusiyyah* (Hanafi, 1974).

Kitab-kitab tentang akidah selepasnya tidak mencapai sebarang

kemajuan yang berkesan, kecuali *syarah*³ dan *hasyiah*⁴ atau *hasyiah* di atas *syarah*⁵ (Haji Abdullah, 1990). Karya-karya yang bersifat *syarah* atau *hasyiah* ini tidak hanya terhad di kalangan ulama Arab, malah meliputi ulama Jawi.

Antara karya *syarah* atau *hasyiah* adalah seperti *Syarh al-Imam al-‘Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi ‘ala Umm al-Barahin*, karya Al-Syaikh Muhammad bin Mansur al-Hudhudi, t.th. (tanpa tahun); *Bidayah al-Hidayah*, karya Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, 1170 H (Hijriah) / 1756 M (Masehi); *Hasyiyah al-Syaikh ‘Abd Allah bin Hijazi al-Syarqawi ‘ala Syarh al-Imam al-‘Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi ‘ala Umm al-Barahin*, karya Al-Syaikh ‘Abd Allah bin Hijazi al-Syarqawi, 1194 H / 1779 M; *Hasyiyah al-Dusuqi ‘ala Umm al-Barahin*, karya Al-Syaikh Muhammad al-Dusuqi, 1214 H / 1799 M; *Hasyiyah al-‘Allamah al-Bayjuri ‘ala Matn al-Sanusiyyah*, karya Al-Syaikh Ibrahim al-Bayjuri, 1227 H / 1811 M; *Siraj al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa*, karya Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbawi, 1302 H / 1884 M; dan banyak lagi kitab lain yang sama coraknya.

³Perkataan “Syarah” berasal daripada perkataan Arab, *Syarh*. Mahmud Yunus (1973) memberi erti dengan “keterangan”, manakala Husain bin Unang (1994) pula memberi erti dengan “menerangkan”. Adapun *Kamus Dewan* memberi erti dengan: “keterangan, huraian, penjelasan, atau ulasan” (DBP, 1994). Kata K.H. (Kyai Haji) Sirajuddin Abbas, “*Syarah* ialah huraian lebih panjang tentang *matan*, biasanya *syarah* sesuatu *matan* dibuat oleh orang lain dengan menyelipkan disela-sela *matan*” (Abbas, 1975).

⁴Perkataan “Hasyiah” berasal daripada perkataan Arab, *Hasyiyah*. Husain bin Unang (1994) memberi erti dengan “ulasan atau kupasan”. Adapun *Kamus Dewan* memberi maksud dengan “catatan atau keterangan yang ditulis di tepi buku” (DBP, 1994). Kata K.H. (Kyai Haji) Sirajuddin Abbas, “*Hasyiah* ialah komentar-komentar kecil dari *matan* atau dari *syarah* yang ditulis oleh orang lain pula. Biasanya *hasyiah* itu diletakkan di tepi atau di tengah kitab dengan memakai tanda *qauluhu*” (Abbas, 1975).

⁵“*Hasyiah* di atas *syarah*” maksudnya ulasan, kupasan, catatan, keterangan, atau komentar-komentar kecil dari *syarah*.

Selain *syarah* dan *hasyiah*, penulisan *Umm al-Barahin* oleh Al-Imam al-Sanusi ini juga telah diterjemahkan kedalam bahasa yang berlainan, antaranya terjemahan kedalam bahasa Melayu oleh beberapa orang ulama Melayu, bermula semenjak Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi (1756), bahasa Jerman oleh Ph. Wolff (1848), bahasa Perancis oleh Luciani (1896), dan bahasa Inggeris oleh A.J. Wensinck (1932).

Al-Imam al-Sanusi ialah orang yang bertanggungjawab menyusun *matan* mengenai *Umm al-Barahin*. Berasas *matan*-nya itulah, para ulama, sama ada di Kepulauan Melayu, Benua Afrika, mahupun India telah menterjemah, men-*syarah*, dan menyebarkannya di seluruh dunia. Setakat ini tidak kurang dari lima puluh buah kitab *syarah* bagi *Umm al-Barahin* dalam pelbagai bahasa telah dikenal-pasti (Jusoh, 2000).

Syarah, *hasyiah*, dan terjemahan Melayu tersebut telah memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu *Tauhid* para ulama Islam di alam Melayu, khususnya di Asia Tenggara, dan diguna-pakai seterusnya oleh umat Islam di rantau tersebut. Sehingga kini dibaca dan dipelajari di pondok-pondok, masjid-masjid, dan menjadi buku rujukan dalam bidang ilmu *Tauhid*.

Ajaran Sifat 20 yang semata-mata membicarakan soal-soal kepercayaan telah dikenali dengan pelbagai nama, sekurang-kurang terdapat sembilan nama yang dikenali, antaranya adalah: *Sifat 20*, *‘Ilm al-Tauhid*, *‘Ilm Usul* atau *Usul al-Din*, *‘Ilm al-‘Aqa’id*, *Akidah Lima Puluh*, *‘Ilm al-Kalam*, *‘Ilm al-Jadal*, *‘Ilm Ma’rifah*, dan *‘Ilm Haqiqah*, tetapi yang paling terkenal di alam Melayu adalah dengan gelaran *Sifat 20*. Kadang-kala disebut juga dengan *Usul*, ringkasan daripada perkataan *‘Ilm Usul al-Din*.

Digelarkan dengan *Sifat 20* kerana perbincangan yang terpenting dalam penulisan ini ialah batasan dua puluh sifat Ketuhanan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), yang mustahak dipercayai

oleh setiap Muslim mukalaf pada peringkat yang paling minimum tentang akidah Ketuhanan. Berikut adalah pendapat bersabit dengan Sifat 20 yang dipelajari oleh ramai orang:

Di Indonesia, ada orang-orang menamainya dengan *Ilmu Sifat Dua Puluh*, kerana di dalam ilmu ini dibicarakan 20 sifat yang wajib (mesti ada) bagi Tuhan (Abbas, 1978).

Di kalangan orang-orang kita, ilmu ini dinamakan *Ilmu Sifat Dua Puluh*, kerana perbincangan yang terpenting sekali di dalam ilmu ini ialah tentang sifat-sifat Ketuhanan Allah yang ditetapkan oleh para ulama *Tauhid* kita; ada dua puluh sifat (Jantan, 1986).

Kaedah Sifat Dua Puluh iaitu Allah itu mempunyai dua puluh sifat yang mustahak diketahui oleh setiap umat Islam (Alyahya, 1991).

Puncanya diberi judul sifat 20 itu kerana dalam kitab tersebut membataskan 20 sifat yang wajib itu wajib diketahui oleh setiap orang mukalaf pada peringkat yang paling minima tentang akidah Ketuhanan atau ma'rifah [*sic* makrifat] Allah (Ambak bin Haji Ismail, 1991).

Adapun gelaran *'Ilm Usul al-Din* adalah kerana perkataan *Usul* berertinya tunjang, asas, pokok, atau pangkal; dan perkataan *Al-Din* ertinya agama. Maka perkataan *'Ilm Usul al-Din* ertinya ilmu yang membicarakan tentang tunjang agama, asas agama, pokok agama, atau pangkal agama tentang *iktikad* Ketuhanan Allah SWT.

Mengikut para penulis dalam bidang akidah di alam Melayu, seperti K.H. (Kyai Haji) Sirajuddin Abbas (m. 1403 H / 1982 M), Osman bin Jantan, Abdul Aziz Omar Ahmad, dan Noraine Abu dinamakan dengan *'Ilm Usul al-Din* kerana ilmu ini membahaskan dan menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara pokok dalam Islam, antaranya soal-soal *iktikad*, iman atau kepercayaan yang menjadi pokok agama, iaitu: sifat-sifat yang berkaitan ketuhanan (Abbas, 1978; Jantan, 1986; Abu, 2001; dan Omar Ahmad, 2001).

AJARAN SIFAT 20 DI ALAM MELAYU

Apabila akidah *Tauhid* merupakan satu bidang ilmu yang paling tinggi kedudukannya dalam agama Islam dan ajaran Sifat 20 telah mendapat tempat yang paling tinggi kedudukan di merata tempat, khususnya di alam Melayu. Persoalannya, bilakah munculnya ajaran Sifat 20 di alam Melayu dan sejauh manakah perkembangannya di rantau tersebut?

Terdapat di alam Melayu sebuah manuskrip (tanpa judul, tanpa pengarang, dan tanpa tahun) petikan kitab *Bahr al-Dahut (Lahut)* yang ditulis pada abad ke-6 H (Hijriah) / 12 M (Masehi) oleh 'Abd Allah al-'Arif, seorang pendakwah Arab Andalusia yang dilahirkan pada 472 H / 1080 M, dan tiba di Pasai (terletak di Lhokseumawe sekarang di Provinsi Aceh Darussalam, Indonesia) pada 1165 M (al-'Arif, 1994). Dalam manuskrip tersebut tercatat perkataan: "Bermula inilah Sifat Dua Puluh" (TP, 1994).

Kitab *Bahr al-Dahut (Lahut)* adalah sebuah kitab yang memberi tumpuan khusus perbincangannya hanya kepada beberapa sifat Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) yang boleh dikaitkan dengan teori *Nur Muhammad*. Ianya bukanlah kitab yang membicarakan tentang persoalan Sifat 20 secara khusus, seperti yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Sanusi dalam *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda).

Menurut catatan sejarah, perbincangan tentang Sifat 20 seperti yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Sanusi belum lagi diwujudkan pada abad ke-6 H / 12 M. Disebabkan perbincangan hampir sama dengan perbincangan Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi, maka pemetik terkemudian yang pernah mendengar konsep Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi dan ingin mempopularkannya, mereka sedia memperkatakan apa-apa sahaja untuk kepentingannya sendiri.

Mahayudin Haji Yahaya (1998) dalam *Islam di Alam Melayu*, contohnya,

berpendapat bahawa penulisan Sifat 20 telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu pada abad ke-15 M (Masehi). Sebenarnya, pendapat ini juga tidak disertai dengan apa-apa bukti yang kukuh dan dapat meyakinkan para pengkaji. Ia juga terlalu awal apabila dibandingkan dengan kematian Al-Imam al-Sanusi, iaitu pada akhir abad ke-15 M, dan juga sejarah perkembangan penulisan *Umm al-Barahin* di alam Islam, khususnya di negara-negara Arab.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1990) telah mengemukakan bahawa Sifat 20 yang paling ulung di Nusantara adalah pada akhir abad ke-11 H / 17 M dalam kitab tasawuf karangan Syeikh Abdul Rauf Singkil,⁶ yang bertajuk *'Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*.

Sebenarnya, masih terdapat penulisan-penulisan yang membicarakan tentang Sifat 20 sebelum kitab *'Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*. Mengikut Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (m. 1428 H / 2007 M), ahli tarikh ulama Nusantara dan karya-karya mereka, Sifat 20

⁶Syeikh Abdul Rauf Singkil (1024-1106 H / 1615-1695 M) iaitu Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri, yang lebih terkenal dengan sebutan Syeikh Abdul Rauf, banyak mempunyai gelaran seperti *Syeikh Kuala*, *Syeikh di Kuala* atau *Ciah Kuala*, *Tengku Ciah Kuala*, dan *Abdul Rauf van Singkil*. Beliau berasal dari Fansur (Barus), Singkil, Aceh (Shaghir Abdullah, 1976b). Beliau mendapat pendidikan awal di desa kelahirannya, terutama daripada ayahnya. Kira-kira pada tahun 1052 H / 1642 M, beliau datang ke tanah Arab. Selama di negeri Arab, beliau menuntut ilmu pengetahuan di sepanjang jalan haji, dari Dhuha, Yaman, Jeddah, dan akhirnya di Mekah dan Madinah (Azra, 1995). Pada tahun 1661 M, beliau kembali ke Aceh setelah menghabiskan masa dalam buku pelajaran tidak kurang dari 19 tahun (Bruinessen, 1995). Pada tahun 1665 M, beliau dilantik menjadi *Qadi Malik al-'Adil* atau Mufti kerajaan Aceh Dar al-Salam pada zaman Ratu Safiatuddin (Haji Yahaya, 2000). Syeikh Abdul Rauf Singkil dikenali sebagai pembawa tarekat Syattariyyah ke Indonesia. Gurunya yang paling penting di Madinah ialah Burhan al-Din Malik Ibrahim, anak Hasan al-Kurani al-Syafi'i Syattari (1023-1101 H / 1615-1690 M) atau Ibrahim al-Kurani. Pada ketika itu, Burhan al-Din Malik Ibrahim adalah ulama yang paling besar di Madinah dan murid-muridnya datang dari seluruh dunia Islam (Bruinessen, 1995); dan ia merupakan penerus salah satu aliran tasawuf Mesir, iaitu tradisi yang diwakili oleh Zakariyya al-Ansari dan muridnya, 'Abd al-Wahhab al-Syi'rani (Bruinessen, 1995).

pernah dibicarakan kali pertama oleh seorang ulama Kedah yang sezaman dengan Syeikh Syamsuddin al-Sumatra'i (m. 1039 H / 1630 M), iaitu Ahmad bin Aminuddin Qadhi, dalam sebuah kitab *Tauhid* tanpa judul yang selesai ditulis pada tahun 1032 H / 1622 M, serta manuskripnya ada tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, MS.1092 (Shaghir Abdullah, 1991).

Selain ulama Kedah, ia turut dibicarakan oleh Al-Syaikh Nur al-Din al-Raniri⁷ (m. 1069 H / 1658 M) dalam naskhah *Jawahir al-'Ulum fi Kasyf al-Ma'lum, Hidayah al-Iman bi Fadl al-Mannan* (dalam Daudy, 1983); dan dalam sebuah manuskrip yang terdapat di *Royal Asiatic Society*, London, Raffles Malay 79, setebal 173 halaman, bersama-sama fragmen kitab *Syifa' al-Qulub*, *'Umdah al-I'tiqad*, dan fragmen-fragmen lain.

Pada abad ke-12 H / 18 M, ajaran Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi telah menjadi sebuah kurikulum yang penting dalam sistem pengajian Islam di Mekah. Bahasa Arab merupakan bahasa pengantaraan secara rasmi. Dan terdapat beberapa orang guru di kalangan tokoh ulama Melayu yang mengajar, antaranya Syeikh Muhammad Zain (nama penuhnya ialah Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi).

Pada zaman inilah, ramai orang-orang Melayu dari Nusantara yang mengunjunggi kota Mekah untuk

⁷Nama lengkapnya ialah Nur al-Din ibn 'Ali ibn Husan Ji (Husanji) ibn Muhammad Hamid al-Ranjiri al-Syafi'i (Al-Ranjiri, 1955). Beliau adalah keturunan Hadrami yang berasal dari Rander (Ranjir, terletak di kawasan Teluk Kambai, Gujarat, India). Setelah beliau tamat pengajiannya di Mekah, beliau belayar ke Aceh. Beliau tiba di Aceh pada tahun 1047 H / 1637 M, dan tinggal di situ selama tujuh tahun, 1637-1644 M (Russell, 1974). Pada masa pemerintah Sultan Iskandar Thani (1636-1641 M), beliau diangkat menjadi Mufti Aceh dan meninggal dunia pada 22 Zulhijah 1069 H / 21 September 1658 M (Haji Yahaya, 1994). Mengikut Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (1976), Al-Syaikh Nur al-Din al-Ranjiri adalah bekas pelajar pusat pengajian Islam Hadramaut yang menganut tarekat Qadiriyyah aliran Al-Asy'ari, pernah datang dari Gujarat menuju Aceh pada tahun 1570 M.

melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Disebabkan kekurangan pengetahuan tentang bahasa Arab, maka muncul permasalahan dalam meneruskan pengajian mereka di kota tersebut. Situasi sedemikian telah mendorong para guru bertindak menyediakan teks baru berbahasa Melayu tulisan Jawi. Maka pada 1170 H / 1757 M, lahirlah kitab *Bidayah al-Hidayah* karangan Syeikh Muhammad Zain sebagai huraian kepada penulisan *Umm al-Barahin* daripada Al-Imam al-Sanusi. Kitab tersebut kemudiannya dijadikan teks utama pengajian ilmu *Tauhid* di kota Mekah bagi pelajar-pelajar yang baru tiba dari rantau Nusantara, khususnya sebelum mereka menguasai bahasa Arab.

Berikut adalah petikan kenyataan daripada Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi bersabit dengan kitab yang dibuatnya:

Sungguhnya telah aku melihat pada zaman ini akan orang Jawi daripada kesangkatan, ertinya daripada akal pada berlajar [sic belajar] dengan bahasa Arab, maka aku kehendak aku terjemahkan akan karangan imam yang lebih lagi warak, iaitu Abu 'Abd Allah kunyahnya, Muhammad namanya, anak Yusuf, Sanusi nama negerinya, Hasani bangsanya, yang reda Allah daripadanya, yang dinamai karangannya iaitu *Umm al-Barahin* dengan bahasa Jawi, serta aku nyatakan maknanya dengan barang yang aku lihat akan dia pada setengah daripada beberapa *syarah* dan setengah daripada beberapa *hasyiah*, dan aku himpulkan kepadanya setengah daripada beberapa faedah yang berkehendak kepadanya kerana memberi manfaat dengan dia segala orang yang baharu berlajar [sic belajar] dan aku namai akan dia *Bidayah al-Hidayah* (Faqih Jalaluddin al-Asyi, 1756).

Pada tahun 1212 H / 1797 M, seorang ulama dari Betawi (kini Jakarta, Indonesia), yang bernama Encik Kemering, telah mengemukakan ajaran Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi dalam sebuah penulisan yang bertajuk *Surat Sifat Dua Puluh*.

Penulisan ini terdapat di Perpustakaan SOAS (*School of Oriental and African Studies*), Univesiti London, MS.11576 (dalam Haji Yahaya, 2000).

Perlu diingatakan bahawa Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, yang telah selesai menulis *Bidayah al-Hidayah* di Mekah pada 1170 H / 1757 M, tidak selamanya berperanan di situ, malah dia telah kembali ke Aceh dan menjadi seorang ulama terkemuka pada zaman Kesultanan Aceh, iaitu pada masa pemerintahan Sultan Alauddin Muhammad Syah (1174-1195 H / 1760-1781 M). Dengan itu, sebuah terjemahan teks tulen penulisan *Umm al-Barahin* daripada Al-Imam al-Sanusi, yang disertai dengan huraian dalam bahasa Melayu, turut terjana kali pertama di Nusantara sebelum wujudnya penulisan Encik Kemering lagi.

Selepas kelahiran kitab *Bidayah al-Hidayah*, tidak berapa lama, lahirlah beberapa buah *hasyiah*, seperti: *Hasyiyah al-Syaikh 'Abd Allah bin Hijazi al-Syarqawi 'ala Syarh al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi 'ala Umm al-Barahin*, karangan Al-Syarqawi pada tahun 1194 H; diikuti dengan *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala Umm al-Barahin*, karangan Al-Dusuqi pada tahun 1214 H; dan *Hasyiyah al-'Allamah al-Bayjuri 'ala Matn al-Sanusiyah*, karangan Al-Bayjuri pada tahun 1227 H (TP, t.th.).

Kelahiran *hasyiah-hasyiah* terbaru telah mendesak para ulama untuk mengubah teks pengajian dengan mengumpulkan pengetahuan-pengetahuan yang dimiliki oleh para ulama, yang pakar dalam bidang ilmu *Usuluddin* dan akidah *Tauhid*. Dari sini lahirlah pula sebuah kitab dalam bahasa Melayu, iaitu *Al-Durr al-Thamin fi Bayan 'Aqa'id al-Mu'minin*, karangan seorang ulama Patani yang pernah berguru dengan Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.⁸

⁸Syeikh Daud, nama penuhnya ialah Syeikh Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris al-

Maka, dapat disalurkan dengan mudah kepada golongan sasaran yang tidak mahir berbahasa Arab; dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani membuat kenyataan seperti berikut:

Maka tatkala pada tahun 1232 daripada hijrah Nabi [1816 M], atasnya itu yang terlebih afdal selawat dan salam, telah bergerak-gerak hatiku yang lemah dan akalku yang pendek bahawa aku hendak mehimpunkan [*sic* menghimpunkan] beberapa kalam ulama yang *muhaqqiqin* [menerangkan segala masalah dan disertai dengan dalil-dalil] pada bicara ilmu *Usulluddin* dan *Akaid Ahl al-Tauhid* [Ahli Tauhid] dan aku sebutkan permata *lu'lu'* [mutiara]-nya dan aku tinggalkan *sadaf*-nya, yakni kulitnya hal keadaannya megemarkan [*sic* menggemarkan] bagi orang yang menuntut lagi keadaannya meterjemahkan [*sic* menterjemahkan] dengan bahasa Jawi supaya dipaham akan dia oleh orang yang tiada ketahuai bahasa Arab (Abdullah al-Fatani, t.th.).

Kedua-dua teks tersebut pada asalnya ditulis hanya untuk menjadi teks pengajian ilmu *Tauhid* dalam bahasa Melayu di Mekah, bukan untuk tujuan lain; tetapi tujuan tersebut telah berubah setelah kedatangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani,⁹

Fatani. Beliau dilahirkan di Kerisik, Patani. Berbagai-bagai pendapat mengenai tahun kelahirannya, ada pendapat yang menyatakan: 1133 H / 1720 M, 1153 H / 1740 M, dan 1183 H / 1769 M. Penemuan terakhir menunjukkan bahawa beliau telah dilahirkan pada tahun 1131 H / 1718 M. Beliau mendapat pendidikan asas di Pondok Kuala Bekah, Pondok Kerisik, Pondok Semela, dan Pondok Pauh Bok, Patani; kemudian berhijrah ke Aceh selama dua tahun. Selepas itu, beliau melanjutkan pengajiannya di Mekah dan Madinah. Belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah 5 tahun. Manakala tahun kematiannya juga berbeza-beza pendapat, iaitu: 1263 H / 1846 M dan 1265 H / 1848 M. Berdasarkan penyelidikan terakhir, didapati bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 1297 H / 1879 M dalam usia 166 tahun. Beliau telah meninggal dan dikebumikan di Ta'if (BHEI, 1991).

⁹Syeikh Ahmad, nama penuhnya ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. Seorang ulama Patani berketurunan pendakwah Hadramaut yang datang menyebarkan Islam di Patani. Beliau dilahirkan pada tahun 1272 H / 1856 M di Kampung Jambu, Yaring, Patani, dan meninggal dunia pada tahun 1325 H / 1906 M. Beliau menerima ilmu Islam di Mekah, Jerusalem, dan Universiti al-Azhar. Seterusnya, beliau mengajar di Masjid al-Haram, Mekah, sehingga menjadi seorang ulama yang terkenal. Antara murid beliau yang terkenal adalah Muhammad Yusuf bin Ahmad (1287-

yang pernah berguru dengan dua orang murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, iaitu ayahnya Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani (lahir 1233 H / 1817 M) dan Syeikh Nik Dir atau Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani (1244-1315 H / 1829-1898 M).

Berdasarkan latar belakang pengajian Abdullah bin Abdul Kadir (1797-1854 M), dalam hikayatnya, ternyata bahawa pada awal abad ke-19 M, iaitu semasa kecilnya, penulisan Sifat 20 *Umm al-Barahin* telah mendapat pendidikan di Melaka oleh Al-Syaikh bin 'Alawi, yang datang dari Hadramaut pada ketika itu (Abdul Kadir, 1970). Pada tahun 1821 M, penulisan tersebut telah diterjemahkan kedalam bahasa Melayu oleh ulama Betawi dibawah tajuk yang sama, iaitu *Umm al-Barahin*.

Pada tahun 1258 H / 1842 M, Muhammad Syihabuddin bin Muhammad Arsyad al-Banjari telah mengemukakannya di Riau dalam *Tahsil Nayl al-Maram li Bayan Manzumah 'Aqidah al-Awam* sebagai huraian *'Aqidah al-'Awam min Wajib fi al-Din bi al-Tamam*, karangan Abu al-Fauz al-Sayyid Ahmad al-Marzuqi; dan kitab ini juga diterjemah kemudiannya kedalam bahasa Melayu oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Mengikuti Mahayudin Haji Yahaya (2000), tulisan ulama Betawi terdapat di Perpustakaan Universiti Leiden, Cod.Or.5644 (17903); manakala tulisan Muhammad Syihabuddin bin Muhammad Arsyad al-Banjari pula terdapat di *Royal Asiatic Society*, London, Maxwell 80.

Menjelang tahun 1276 H / 1860 M, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua di Mekah setelah bahasa Arab (Bruinessen, 1995). Berkemungkinan dengan jumlah anak Melayu yang begitu ramai telah mendorong perasaan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani

1351 H / 1870-1933 M) atau lebih dikenali sebagai *Tok Kenali*; Wan Musa bin Abdul Samad (1292-1358 H / 1875-1939 M) atau lebih dikenali sebagai *Mufti Haji Wan Musa*; dan Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani (1300-1385 H / 1882-1965 M) atau lebih dikenali sebagai *Pak Da Ail*.

yang berada di sana mentashihkan kitab *Bidayah al-Hidayah* pada pagi hari Sabtu, 20 Rejab 1303 H / 1885 M.

Rentetan jasa Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, kitab *Bidayah al-Hidayah* telah dicetak di beberapa percetakan di Mekah, Mesir, dan Turki; dan sampai sekarang masih berada di dunia perniagaan. Kitab ini adalah sebagai satu bukti bahawa kitab *Bidayah al-Hidayah* masih banyak digunakan di beberapa tempat (Shaghir Abdullah, 1990). Kitab-kitab *Tauhid* atau ilmu *Usuluddin* atau ilmu *Kalam* atau ilmu Sifat Dua Puluh bermunculan di seluruh penjuru Tanah Jawi atau Asia Tenggara atau Alam Melayu (Shaghir Abdullah, 1990).

Pada tahun 1292 H / 1874 M, seorang ulama di Sambas, Kalimantan Barat, telah mengemukakan secara berselindung dalam huraian *Matn Jawharah al-Tauhid*. Pada 1304 H / 1886 M, Sayyid Osman bin Abdullah bin Aqil bin Omar bin Yahya al-'Alawi atau Habib Osman (1238-1333 H / 1822-1914 M), Mufti Betawi, telah menyelesaikan sebuah huraian lengkap tentang sifat-sifat Allah SWT dengan judulnya *Sifat Dua Puluh*.

Pada hari Sabtu akhir bulan Jamadi al-akhir 1308 H / 1890 M, penulisan Sifat 20 *Umm al-Barahin* telah dihuraikan oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, atau Tuan Minal al-Fatani, dalam *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm 'Usul al-Din* dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaran. Kitab ini telah dicetak kemudiannya di percetakan Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah di Kaherah, Mesir. Dan turut dicetak juga di percetakan Muhammad Nahdi wa Awladah di Bangkok, Thailand.

Selain *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm 'Usul al-Din*, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani juga telah membuat kesimpulan huraian beliau terhadap ajaran Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi, dalam sebuah risalah yang berjudul *Miftah al-Murid fi 'Ilm*

al-Tauhid dan dicetak kemudiannya di percetakan Persam di Pulau Pinang, Malaysia.

Pada 16 Muharam 1323 H, bersamaan dengan 1905 M, Muhammad bin Yahya, Terengganu, telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu tulisan tangan berhuruf Jawi dan diberi nama dengan *Mukhtasar Zaydah al-Tauhid fi Bayani al-'Aqa'id* atau *Mukhtasar Pati Tauhid pada Nyatakan 'Aqa'id al-Din*, terjemahan ini telah dicetak di Percetakan Singapura.

Pada sekitar awal abad ke-20 M, penulisan Sifat 20 *Umm al-Barahin* pernah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh seorang ulama yang belum dikenal pasti namanya. Terjemahan tersebut pernah dicetak di Patani, Thailand, dan diulangkan lagi cetakannya di kedai buku Sulayman Mar'i di Surabaya, Jawa Timur, Indonesia.

Pada 1366 H / 1946 M, Abdul Hamid Fadl, Besut, Terengganu, yang pernah berguru dengan bekas murid Abdul Samad, iaitu Tok Kelaba al-Fatani (1280-1367 H/ 1863-1948 M), telah menulis sebuah risalah sebagai kesimpulan kepada huraian-huraian dan *hasyiah-hasyiah*, dan diberi nama dengan *Pungkal [sic Pangkal] Umbi Ugama [sic Agama]* dan dicetak kali pertama di Al-Kamaliyyah, Kota Bharu, Malaysia, pada tahun 1367 H.

Pada tahun 1380 H / 1960 M, Abdullah bin Haji Ibrahim bin Abdul Karim al-Fatani, yang berada di wilayah Jala atau Yala, selatan Thailand, telah menyelesaikan sebuah syarah *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*, karya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Beliau kemudiannya menamakan huraian tersebut dengan *'Umdah al-Talib al-Mujtahid fi Syarh Faridah al-Fara'id*.

Selain itu, terdapat beberapa naskhah manuskrip lain yang membicarakan tentang Sifat 20 dengan tanpa nama pengarang atau penyalin dan tanpa tahun dikarang, seperti

naskhah manuskrip tanpa judul yang tersimpan di Perpustakaan A. Hasjmy, dua naskhah lain yang tersimpan di Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (PDIA) dan *Durrah al-Fakhirah bi 'Awn al-Mulk* yang tersimpan juga di Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, Indonesia, No.Reg.076 (Haji Yahaya, 1994).

Pada awal abad ke-21 M, ajaran yang berkaitan dengan Sifat 20 masih lagi ditulis dan dikaji oleh para sarjana Islam di alam Melayu, seperti *Sifat 20: Ke Arah Memahami 'Aqidah Ahli Sunnah wal-Jama'ah*, karangan Noraine Abu (2001); *Mizan al-Dharari pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Syarh Risalah Al-Bajuri [sic Al-Bayjuri]*, karangan Ismail bin Omar bin Awwam al-Da'alaji al-Sapanjanji al-Fatani (2002); *'Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dan Kebatinan*, karangan Abdulfatah Haron Ibrahim (2003); "Pengaruh dan Kesan Penulisan Al-Imam al-Sanusi terhadap Ilmu Tauhid di Selatan Thailand", kajian Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan (2008); "Penggunaan al-Qiyas dalam Kitab *Umm al-Barahin*", kajian Engku Hassan Engku Wok Zin (2010); *Sifat Dua Puluh: Asas untuk Mengenal Allah*, karangan Syahrin bin Jasah (2011); "Penggunaan Hukum Akal dan Mantik dalam Perbahasan Akidah Tauhid: Kajian Kitab *Al-Durr al-Thamin* oleh Shaikh Daud al-Fatani", kajian Faisol Haji Awang (2011); *Misteri & Keajaiban Sifat 20: Kelebihan & Penghayatannya*, karangan Abd Rahman Abd Majeed (2013); dan "Penulisan Sifat Dua Puluh: Tumpuan terhadap Kitab Jawi di Jawa Timur", kajian Agus Sutopo (2014, dalam proses).

KESIMPULAN

Ajaran Sifat 20 telah muncul kali pertama di utara Afrika pada abad ke-15 M (Masehi) dan tersebar kemudiannya ke alam Arab. Pada abad ke-17 M, ia telah terdedah pada alam Melayu melalui penulisan-penulisan

beberapa orang ulama, antaranya ialah Ahmad bin Aminuddin Qadhi, Al-Syaikh Nur al-Din al-Raniri, dan Syeikh Abdul Rauf Singkil.


Pada abad ke-18 M, penulisan Sifat 20 *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda) mulai diterjemahkan kedalam bahasa Malayu oleh Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, diikuti dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan disebar-luas kemudiannya oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada abad ke-19 M. Sekalipun ia dikenali dengan pelbagai nama, namun di alam Melayu ia lebih dikenali dengan *Sifat 20* hingga ke hari ini.

Bibliografi

- Abbas, K.H. Sirajuddin. (1975). *Tabaqat al-Syafi'iyah, Ulama Syafi'i, dan Kitab-kitabnya dari Abad ke Abad*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Abbas, K.H. Sirajuddin. (1978). *I'tiqad Ahlussunnah wal-Jama'ah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., edisi ke-4.
- Abd Majeed, Abd Rahman. (2013). *Misteri & Keajaiban Sifat 20: Kelebihan & Penghayatannya*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- 'Abduh, Al-Syaikh Muhammad. (1979). *Risalah Tauhid*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, terjemahan K.H. Firdaus A.N., edisi ke-7.
- Abdul Kadir, Abdullah bin. (1970). *The Hikayat Abdullah*. Hongkong: Oxford University Press, terjemahan A.H. Hill.
- Abdullah al-Fatani, Syeikh Daud bin. (t.th.). *Al-Durr al-Thamin fi Bayan 'Aqa'id al-Mu'minin*. Pulau Pinang: Penerbit Almuarif.
- Abu, Noraine. (2001). *Sifat 20: Ke Arah Memahami 'Aqidah Ahli Sunah wal-Jama'ah*. Selangor: Pustaka Ilmi, edisi ke-4.
- al-'Arif, 'Abd Allah. (1994). "Bahr al-Dahut (Lahut): Al-Kitab fi al-Bayan al-Alif" dalam Mahayudin Haji Yahaya [ed]. *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, terjemahan, ms.89-97.
- Al-Qur'an al-Karim*. (1413 H). Madinah al-Munawwarah: Mujamma' Khadim al-Haramayn al-Syarifayn al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- al-Raniri, Nur al-Din. (1955). "Hujjah al-Siddiq li D'fi al-Zindiq" dalam P. Voorhoeve [ed]. *Twee Maleise Geschriften van Nuruddin Ar-Raniri*. Leiden: E.J. Brill, ms.1-27.
- al-Sanusi, Al-Imam Muhammad bin Yusuf. (t.th.a). *Matn al-Sanusiyyah*. Patani: Dar al-

- Tiba'ah al-Islamiyyah.
- al-Sanusi, Al-Imam Muhammad bin Yusuf. (t.th.b). "Syarh Umm al-Barahin" dalam Al-Dusuqi [ed]. *Al-Dusuqi 'ala Umm al-Barahin*. Bangkok: Muhammad Nahdi wa Awladah, ms.2-238.
- al-Syafi'i, Al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Idris (t.th.). "Al-Fiqh al-Akbar" dalam *Kaukab al-Azhar Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Tijariyyah, ms.7-35.
- Alyahya. (1991). *Dua Puluh Sifat Allah*. Selangor: Citra Publishing Sdn. Bhd.
- Ambak bin Haji Ismail, Haji Abdul Aziz. (1991). "Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani dalam Akidah di Nusantara". *Kertas kerja* yang disampaikan dalam Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani), kali ke-4, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademik Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 17-19 Disember, ms.55-116.
- Awwam al-Da'alahi al-Sapanjanji al-Fatani, Ismail bin Omar bin. (2002). *Mizan al-Dharari pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Syarh Risalah al-Bajuri*. Patani: Dar al-Tiba'ah al-Islamiyyah.
- Azra, Azyumardi. (1995). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan, edisi ke-2.
- BHEI [Bahagian Hal Ehwal Islam]. (1991). "Syeikh Daud Abdullah al-Fatani: Pengenalan Ringkas". *Kertas kerja* yang disampaikan dalam Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani), kali ke-4, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademik Islam, Universiti Malaya, di Kuala Lumpur, pada 17-19 Desember, ms.x-xi.
- Bruinessen, Martin Van. (1995). *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarikat*. Bandung: Penerbit Mizan, edisi ke-2.
- Daudy, Ahmad. (1983). *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniri*. Jakarta: Penerbit CV Rajawali.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (1994). *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Wok Zin, Engku Hassan. (2010). "Penggunaan al-Qiyas dalam Kitab *Umm al-Barahin*". *Dapatan Kajian Tidak Diterbitkan*. Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- Faqih Jalaluddin al-Asyi, Syeikh Muhammad Zain. (1756). *Bidayah al-Hidayah*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Haji Abdullah, Abdul Rahman. (1989). *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Pena.
- Haji Abdullah, Abdul Rahman. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Awang, Faisol. (2011). "Penggunaan Hukum Akal dan Mantik dalam Perbahasan Akidah Tauhid: Kajian Kitab *Al-Durr al-Thamin* oleh Shaikh Daud al-Fatani". *Dapatan Kajian Tidak Diterbitkan*. Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- Haji Yahaya, Mahayudin. (1994). *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Yahaya, Mahayudin. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Yahaya, Mahayudin. (2000). *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi, A. (1974). *Teologi Islam (Ilmu Kalam)*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Haron Ibrahim, Abdulfatah. (2003). *'Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dan Kebatinan*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ibn Khaldun ['Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun]. (1996). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Jantan, Haji Osman bin. (1986). *Pedoman Ilmu Tauhid*. Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd., edisi ke-3.
- Jasah, Syahrin bin. (2011). *Sifat Dua Puluh: Asas untuk Mengenal Allah*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Jusoh, Razi. (2000). "Sifat Dua Puluh: Satu Sorotan Sejarah" dalam Ahmad Bazli Shafi [ed]. *Forum ISTAC: Al-Hikmah Menjaja Akal-Budi Ummat*, Bil.1, Thn.6. Kuala Lumpur: t.p. [tanpa penerbit], ms.39-42.
- Muhammad Badawi al-Sumbawi, Syeikh Muhammad Zainuddin bin. (t.th). *Siraj al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa*. Singapura: Sulayman Mar'i.
- Nik Muhammad Syukri Nik Wan, Masakaree Ardae @. (2008). "Pengaruh dan Kesan Penulisan Al-Imam al-Sanusi terhadap Ilmu Tauhid di Selatan Thailand". *Dapatan Kajian Tidak Diterbitkan*. Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- Omar Ahmad, Abdul Aziz. (2001). *Asas 'Aqidah Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Rosder, Mudasir. (1989). *Asas Tauhid Pertumbuhan dan Huraianannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russell, Jones. (1974). *Nur'd-din ar-Raniri: Bustanu's-Salatin, Bab IV Fasal I*. Kuala Lumpur: Penerbit Art.
- Shaghir Abdullah, Haji Wan Mohd. (1976a). "Hamzah Fansuri dan Muridnya, Shamsuddin as-Sumaterani" dalam Mohammad Daud

- Mohammad [ed]. *Tokoh-tokoh Sastra Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms.54-62.
- Shaghir Abdullah, Haji Wan Mohd. (1976b). "Syaiikh Abdurrauf bin Ali al-Fansuri" dalam Mohammad Daud Mohammad [ed]. *Tokoh-tokoh Sastra Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms.63-71.
- Shaghir Abdullah, Haji Wan Mohd. (1990). *Fari-datul Fara-id Syeikh Ahmad al-Fathani*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Shaghir Abdullah, Haji Wan Mohd. (1991). *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Jilid 1 dan 2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Shaghir Abdullah, Haji Wan Mohd. (1992). *Al'allahamah Syeikh Ahmad al-Fatani: Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu, Guru kepada Hampir Semua Ulama dan Tokoh Asia Tenggara Abad ke-19 - 20*, Jil.1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Sutopo, Agus. (2014). "Penulisan Sifat Dua Puluh: Tumpuan terhadap Kitab Jawi di Jawa Timur". *Dapatan Kajian (dalam proses) Tidak Diterbitkan*. Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- TP [Tanpa Pengarang]. (1994). "Mengenai Tauhid" dalam Mahayudin Haji Yahaya [ed]. *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms.99-100.
- TP [Tanpa Pengarang]. (t.th.). *Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*. Pulau Pinang: Perpustakaan Hamzah Sendut I, Universiti Sains Malaysia, Microfilm 2912.
- Unang, Husain bin. (1994). *Qamus al-T'ullab Arabi-Malayuwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Yunus, Mahmud. (1973). *Kamus Arab-Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsiran Al-Qur'an.



Kitab Jawi sebagai Warisan Sejarah Tamadun Islam

(Sumber: www.google.com, 23/1/2014)

Ajaran Sifat 20 yang semata-mata membicarakan soal-soal kepercayaan telah dikenali dengan pelbagai nama, sekurang-kurangnya terdapat sembilan nama yang dikenali, antaranya adalah: *Sifat 20*, *‘Ilm al-Tauhid*, *‘Ilm Usul* atau *Usul al-Din*, *‘Ilm al-‘Aqa’id*, *Akidah Lima Puluh*, *‘Ilm al-Kalam*, *‘Ilm al-Jadal*, *‘Ilm Ma’rifah*, dan *‘Ilm Haqiqah*, tetapi yang paling terkenal di alam Melayu adalah dengan gelaran *Sifat 20*. Digelarkan dengan *Sifat 20* kerana perbincangan yang terpenting dalam penulisan ini ialah batasan dua puluh sifat Ketuhanan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), yang mustahak dipercayai oleh setiap Muslim mukalaf pada peringkat yang paling minimum tentang akidah Ketuhanan.